



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : PPJ/SH(S)/JB/6/2021

Tajuk Sebut Harga :

**CADANGAN KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH TAMAN PERMAINAN KANAK-KANAK (TPK) DI KUARTERS-
KUARTERS APARTMENT KERAJAAN PUTRAJAYA.**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)**, Bahagian Pembangunan Kontraktor & Usahawan (BPKU), beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja** di bawah **Untuk Gred G3, Kategori : CE – Pengkhususan CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)** untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Kehadiran Kontraktor / Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kontraktor / Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan sebut harga berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya. Dokumen sebut harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **11 OGOS 2021** hingga **24 OGOS 2021** dengan bayaran secara tunai sebanyak **RM50.00** di **Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3 Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.**
3. Selaras dengan saranan kerajaan dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19, operasi kaunter tender/sebut harga dibuka kepada orang awam melalui **JANJI TEMU** seperti dipautan dibawah. Hanya pelanggan yang mempunyai janji temu sahaja dibenarkan hadir berurusan.

<https://pelawat.ppj.gov.my>



4. Kontraktor dikehendaki membawa dokumen-dokumen **Asal** dan **satu (1) salinan** siji yang berkaitan. Wakil-wakil kontraktor adalah **diwajibkan** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh **Pemilik Syarikat** untuk membeli dokumen sebut harga.
5. Sebut Harga ini akan ditutup pada **7 SEPTEMBER 2021** bersamaan hari **SELASA** dan semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada alamat berikut: **Seksyen Perolehan Bekalan & Perkhidmatan, Jabatan Kewangan, Aras 1, Blok C, Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.**
6. Penyerahan dokumen kepada Perbadanan Putrajaya akan dilaksanakan melalui perkhidmatan kiriman pos berdaftar/kurier dengan syarat-syarat seperti berikut:
 - i. Segala kos penghantaran ditanggung sepenuhnya oleh Penyebut Harga;
 - ii. Penyebut Harga hendaklah memastikan dokumen yang dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dipertimbangkan;
 - iii. Perbadanan Putrajaya tidak akan bertanggungjawab sekiranya dokumen yang dihantar rosak/hilang; dan
 - iv. Sebarang tuntutan kerugian yang timbul dalam pelaksanaan ini tidak akan dipertimbangkan.
7. Sila ambil perhatian, Perbadanan Putrajaya tidak akan mengeluarkan sebarang dokumen bagi tujuan kebenaran merentas negeri/daerah. Kontraktor/wakil yang berurusan di kaunter jualan tender/sebut harga dikehendaki mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan.

(Ir. **MARZUKI BIN ABDULLAH**)
NAIB PRESIDEN

Jabatan Kejuruteraan & Penyelenggaraan
Perbadanan Putrajaya